



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**THE PREDICTED FACTORS OF COGNITIVE AND AFFECTIVE
LEARNING AT THE LEVEL 1 SPORTS SCIENCE COURSE BY THE
MALAYSIAN NATIONAL SPORTS COUNCIL**

HANAFIAH BIN AYUB

FPP 2009 17



**FAKTOR-FAKTOR PERAMAL PEMBELAJARAN KOGNITIF DAN AFEKTIF
KURSUS SAINS SUKAN TAHAP 1
ANJURAN MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**Oleh
HANAFIAH BIN AYUB**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah.**

Januari 2009



ABSTRAK

Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah.

FAKTOR-FAKTOR PERAMAL PEMBELAJARAN KOGNITIF DAN AFEKTIF KURSUS SAINS SUKAN TAHAP 1 ANJURAN MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

Oleh

HANAFIAH BIN AYUB

Januari 2009

Pengerusi : Profesor Madya Bahaman Abu Samah, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Bertepatan dengan peranan Kursus Sains Sukan sebagai program pembelajaran jurulatih, adalah penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran yang diperolehi oleh peserta. Menurut Kraiger, Ford dan Salas (1993), pembelajaran yang diperolehi oleh peserta program latihan merangkumi pembelajaran kognitif, afektif dan kemahiran. Oleh kerana pendekatan Kursus Sains Sukan yang bersifat teori, diramalkan peserta program memperoleh pembelajaran domain kognitif dan afektif. Kajian ini menggunakan model “Learning Transfer System Inventory (LTSI)” oleh Holton dan Bates (1998) yang sebelum ini dilakukan dalam konteks sumber manusia (Holton, Naquin dan Holton, 2003; Yaghi, Goodman, Holton dan Bates, 2008) tetapi belum pernah dilakukan dalam konteks sukan. Model LTSI menyatakan pembelajaran dipengaruhi oleh faktor individu, motivasi, keupayaan dan persekitaran.



Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh faktor-faktor peramal iaitu individu, motivasi, keupayaan dan persekitaran terhadap pembelajaran kognitif dan afektif peserta Kursus Sains Sukan anjuran Majlis Sukan Negara. Kajian ini berbentuk deksriptif dan penyelidikan tidak mempunyai kawalan ke atas pembolehubah. Seramai 204 peserta yang mengikuti Kursus Sains Sukan Tahap 1 terlibat dalam kajian. Analisis yang digunakan dalam kajian adalah peratusan, frekuensi, min, sisihan piawai, “Confirmatory Factor Analysis”, Pekali Korelasi Pearson, Regresi ”Stepwise” dan Analisis Persamaan Struktur.

Dapatan menunjukkan terdapat tiga faktor pada tahap tinggi iaitu individu (min = 4.01), motivasi (min = 4.13), keupayaan (min = 3.74) dan satu faktor pada tahap sederhana iaitu persekitaran (min = 3.58). Pembelajaran kognitif di dapati berada pada tahap sederhana (min = 49.80) dan pembelajaran afektif pada tahap tinggi (min = 3.95). Analisis korelasi menunjukkan kaitan yang signifikan antara faktor persekitaran ($r = -.14$, $p < 0.05$) dengan pembelajaran kognitif, manakala pembelajaran afektif mempunyai kaitan yang signifikan dengan faktor individu ($r = .49$, $p < 0.05$), motivasi ($r = .36$, $p < 0.05$), persekitaran ($r = .32$, $p < 0.05$) dan keupayaan ($r = .28$, $p < 0.05$).

Analisis regresi menunjukkan faktor motivasi serta persekitaran mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembelajaran kognitif, manakala faktor individu pula mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembelajaran afektif. Berdasarkan Analisis Persamaan Struktur yang melibatkan kesemua pembolehubah, dapatan menunjukkan faktor individu mempunyai kesan langsung (.49) terhadap pembelajaran

afektif, manakala faktor motivasi (.26) dan persekitaran (.11) mempunyai kesan tidak langsung terhadap pembelajaran afektif.

Kajian ini menyimpulkan bahawa: 1) model yang diperolehi mencadangkan supaya pembelajaran dalam konteks sukan lebih menumpukan pembelajaran afektif, dan 2) peranan faktor individu, motivasi dan persekitaran perlu diambilkira untuk program pembelajaran dalam konteks sukan kerana ia mempunyai kesan terhadap pembelajaran afektif. Kajian seterusnya boleh dilakukan untuk menguji model ini dengan menggunakan bidang-bidang lain yang berkait dengan program pendidikan dewasa.

ABSTRACT

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

THE PREDICTED FACTORS OF COGNITIVE AND AFFECTIVE LEARNING AT THE LEVEL 1 SPORTS SCIENCE COURSE BY THE MALAYSIAN NATIONAL SPORTS COUNCIL

By

HANAFIAH BIN AYUB

January 2009

Chairman : Associate Professor Bahaman Abu Samah, PhD

Faculty : Educational Studies

Pertinent to Sports Science Course's role as a coach learning program, it is important to look at factors that influence learning acquired of the participants. According to Kraiger, Ford and Salas (1993), learning acquired by the participants of training program consists of cognitive, affective and skill. Based on the theoretical approach of Sports Science Course, participants for this program are predicted to obtain cognitive and affective learning domains. This study employed the "Learning Transfer System Inventory (LTSI)" by Holton and Bates (1998) which was previously used in the Human Resource Development context (Holton, Naquin and Holton, 2003; Yaghi, Goodman, Holton and Bates, 2008) but has never been tested in the sports context. LTSI model has indicated that learning is influenced by individual, motivation, ability and environment factors.

The objective of this study was to identify the predicting factors which are individual, motivation, ability and environment towards cognitive and affective learning among



participants of Sports Science Courses conducted by the National Sports Council. This study is descriptive in design and researcher does not have control over the variables. A total of 204 participants who attended the Level 1 of Sports Science Course involved in this study. Analyses used in this study are percentage, frequency, mean, standard deviation, Confirmatory Factor Analysis, Pearson Moment Correlation, Stepwise Regression and Structural Equation Modelling.

Findings showed that there are three factors at high level which are individual (mean = 4.01), motivation (mean = 4.13), ability (mean = 3.74) and one factor at moderate level which is environment (mean = 3.58). Cognitive learning was found as moderate (mean = 49.80) while affective learning as high (mean = 3.95) levels. Correlation analysis found significant relationship between environment factor ($r = -.14$, $p < 0.05$) with cognitive learning, while affective learning was found to have significant relationship with individual ($r = .49$, $p < 0.05$), motivation ($r = .36$, $p < 0.05$), environment ($r = .32$, $p < 0.05$) and ability ($r = .28$, $p < 0.05$) factors.

Regression analysis showed significant influences of motivation and environment factors on cognitive learning, while individual factor was found to significantly influenced affective learning. The application of Structural Equation Modelling on all variables indicated individual factor to has direct effect (.49) on affective learning, while motivation (.26) and environment factors (.11) were found to have indirect effects towards affective learning.

This study concludes that: 1) the identified model proposes learning in sports context to be geared toward more of affective learning, and 2) roles of individual, motivation and environment factors must be considered for learning program in sports context due to their effects on affective learning. Further research can be explored to examine the identified model using various areas related to adult education program.



PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya kejayaan dapat menyiapkan tesis ini dengan status bekerja dan belajar sepenuh masa merupakan cabaran yang berjaya dihadapi. Penghargaan khas kepada Prof Madya Dr Bahaman bin Abu Samah (Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan), Prof Madya Dr Azizan Asmuni dan Dr Khairuddin bin Idris (Jawatankuasa Penyeliaan) kerana sudi memberi bimbingan, dorongan serta tunjuk ajar bagi menjayakan penyelidikan ini. Di samping itu tidak juga dilupakan kepada Dr Jane Teng Yan Fang yang banyak berkongsi idea serta memberi pandangan dalam kajian ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada pihak Majlis Sukan Negara iaitu Tn Sheikh Kamaruddin Sheikh Ahmad dan En Zahari Baharom yang telah memberikan kerjasama penuh.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pemeriksa iaitu Prof Madya Dr Mohd Majid Konting, Prof Dr Mazanah bte Muhamad, Dr Kok Lian Yee dan Prof Dr Ibrahim Mamat yang banyak memberikan panduan dan berkongsi pengetahuan. Bantuan pensyarah, staf JPPPL, rakan-rakan kelas dan sepejabat juga amat dihargai. Penghargaan teristimewa ditujukan kepada isteri Noraini Seman yang sanggup berkorban membantu untuk melihat suaminya berjaya mengejar cita-citanya. Buat cahaya mata: Muhammad Emmer Fahmy, Muhammad Emmer Isfahan dan Muhammad Emmer Farihin diharapkan akan menjejak langkah ayahnya. Semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkaitan. Terima kasih.

HANAFIAH BIN AYUB





Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah:

Bahaman bin Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azizan bin Asmuni, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Khairuddin bin Idris, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD.

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Julai 2009



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengakui bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

HANAFIAH BIN AYUB
Tarikh: 25 Mei 2009



SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat

Abstrak	ii
Abstract	v
Penghargaan	viii
Helaian Kelulusan	ix
Perakuan	xi
Senarai Rajah	xvi
Senarai Jadual	xvii
Senarai Istilah	xix
BAB	
I LATAR BELAKANG KAJIAN	
Pengenalan	1
Kursus Sains Sukan	2
Pernyataan Masalah	7
Objektif	9
Objektif Umum	9
Objektif Khusus	10
Hipotesis	10
Kepentingan Kajian	11
Limitasi	13
Definisi Operasional	15
II SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	20
Teori dan Model Pembelajaran	20
Teori Menyokong Motivasi Sebagai Faktor Mempengaruhi Pembelajaran	27
Teori Menyokong Persekitaran Sebagai Faktor Mempengaruhi Pembelajaran	29
Teori Menyokong Keupayaan Sebagai Faktor Mempengaruhi Pembelajaran	31
Rumusan	33
Kursus Sains Sukan Iaitu Program Pembelajaran Untuk Jurulatih	33
Pembelajaran Kognitif	37
Pembelajaran Afektif	42
Rumusan	47
Kajian Lepas Tentang Faktor Memengaruhi Pembelajaran	47
Kajian Lepas Bagaimana Faktor Individu Mempengaruhi Pembelajaran	48
Kepercayaan kemampuan prestasi diri	48
Kebersediaan untuk belajar	51
Rumusan	54



SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat

Kajian Lepas Bagaimana Motivasi Mempengaruhi Pembelajaran	54
Motivasi bagi pembelajaran	54
Ekspaktasi pembelajaran membawa kepada pencapaian prestasi	56
Ekspaktasi pencapaian prestasi membawa hasil	58
Rumusan	60
Kajian Lepas Bagaimana Faktor Persekitaran Mempengaruhi Pembelajaran	60
Maklumbalas prestasi	61
Peranan penyelia	63
Pengaruh rakan	64
Hasil peribadi	65
Keterbukaan untuk berubah	68
Rumusan	70
Kajian Lepas Bagaimana Keupayaan Mempengaruhi Pembelajaran	70
Peluang menggunakan apa dipelajari	70
Kesahan kandungan	73
Kapasiti individu bagi pemindahan pembelajaran	76
Bentuk pemindahan pembelajaran	78
Rumusan	80
Kesimpulan	81
III METODOLOGI	
Pengenalan	82
Rekabentuk Kajian	82
Rangka Konseptual Kajian	83
Instrumen Kajian	84
Soal Selidik	84
Kesahan	88
Ujian Bertulis	89
Populasi Kajian	90
Sampel Kajian	91
Pengumpulan Data	92
Kebolehpercayaan	92
Analisis Data	94
IV DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
Pengenalan	98
Maklumat responden	98
“Confirmatory Factor Analysis”	100
Tahap Pembolehubah Bebas	104



SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat

Faktor Individu	104
Tahap faktor individu	106
Motivasi	108
Tahap motivasi	111
Faktor Persekitaran	113
Tahap faktor persekitaran	118
Keupayaan	121
Tahap keupayaan	123
Tahap Pembolehubah Bersandar	126
Pembelajaran Kognitif	126
Tahap pembelajaran kognitif	126
Pembelajaran Afektif	127
Tahap pembelajaran afektif	129
Korelasi Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Kognitif dan Afektif	130
Korelasi Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Kognitif	131
Perkaitan antara faktor individu dengan pembelajaran kognitif	132
Perkaitan antara motivasi dengan pembelajaran kognitif	133
Perkaitan antara faktor persekitaran dengan pembelajaran kognitif	133
Perkaitan antara keupayaan dengan pembelajaran kognitif	134
Korelasi Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Afektif	135
Perkaitan antara faktor individu dengan pembelajaran afektif	135
Perkaitan antara motivasi dengan pembelajaran afektif	136
Perkaitan antara faktor persekitaran dengan pembelajaran afektif	139
Perkaitan antara keupayaan dengan pembelajaran kognitif	139
Regresi Pembolehubah Bebas Yang Mempengaruhi Pembelajaran Kognitif dan Afektif	140
Regresi Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Kognitif	140
Regresi Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Afektif	142



SENARAI KANDUNGAN

	Mukasurat
Model Pembelajaran KSSTS	143
Pembangunan Model Dengan Sokongan Teori	143
Spesifikasi Model	143
Penilaian Model Pembelajaran KSSTS	143
Model Semakan	145
Intrepretasi Keputusan	147
Ringkasan Hasil Kajian	150
V KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	153
Kesimpulan	153
Tahap pembelajaran	154
Perkaitan Dan Pengaruh Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Kognitif	155
Perkaitan Dan Pengaruh Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Afektif	155
Sumbangan	157
Cadangan	159
Cadangan Kajian Lanjutan	163
Rumusan Keseluruhan	164
VI RUJUKAN	165
VII LAMPIRAN	178
VIII BIODATA PELAJAR	243
IX SENARAI PENERBITAN	245



SENARAI RAJAH

Mukasurat

1	Carta Aliran Penyediaan Sukatan Ko-kurikulum dan Manual KSS	5
2	Model Konseptual Jarak Pemindahan Pembelajaran	21
3	Model “Learning Transfer System Inventory”	25
4	Teori Kognitif Sosial	30
5	Rangka Konseptual Kajian	80
6	Model Ramalan Pembelajaran KSSTS	141
7	Model Semakan Pembelajaran KSSTS	143



SENARAI JADUAL

Mukasurat

1	Jadual Kursus Sains Sukan Tahap 1 MSN	7
2	Jadual Perbandingan Teori dan Prinsip Pembelajaran	24
3	Taburan Soal Selidik Mengikut Item Dimensi Pembolehkan Bebas Dan Pembelajaran Afektif	87
4	Pecahan Populasi Peserta Mengikut Kursus Sains Sukan Tahap 1 Tahun 2006	90
5	Pekali Kebolehpercayaan Crobach Alpha Pembolehkan	93
6	Jadual Tahap Pembolehkan Bebas	95
7	Tahap Pembelajaran Kognitif	96
8	Jadual Perkaitan Mengikut Guilford (1965)	96
9	Taburan Responden Peserta KSSTS	99
10	Dapatan “Confirmatory Factor Analysis” Dan Cronbach Alpha Untuk Pembolehkan Bebas Serta Pembelajaran Afektif	101
11	Taburan Peratusan Responden Mengikut Item Dimensi Faktor Individu	105
12	Tahap Faktor Individu Peserta Kursus Sains Sukan Tahap 1	107
13	Taburan Peratusan Responden Mengikut Item Dimensi Motivasi	110
14	Tahap Motivasi Peserta Kursus Sains Sukan Tahap 1	111
15	Taburan Peratusan Item Dimensi Maklumbalas Prestasi Dan Dimensi Sokongan Penyelia	113
16	Taburan Peratusan Item Dimensi Kekangan Penyelia, Dimensi Sokongan Rakan Dan Dimensi Keterbukaan Untuk Berubah	115
17	Taburan Peratusan Item Dimensi Hasil Peribadi Positif Dan Hasil Peribadi Negatif	117



SENARAI JADUAL

		Mukasurat
18	Tahap Faktor Persekitaran Peserta KSSTS	119
19	Taburan Peratusan Item Dimensi Keupayaan	121
20	Tahap Keupayaan Peserta KSSTS	124
21	Tahap Pembelajaran Kognitif Peserta KSSTS	126
22	Pembelajaran Afektif Peserta KSSTS	128
23	Tahap Pembelajaran Afektif Peserta KSSTS	130
24	Pekali Korelasi Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Kognitif	131
25	Pekali Korelasi Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Afektif	135
26	Regresi “Stepwise” Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Kognitif	141
27	Regresi “Stepwise” Pembolehubah Bebas Dengan Pembelajaran Afektif	142
28	Analisis Model Ramalan Pembelajaran KSSTS	145
29	Rumusan Model Semakan Pembelajaran KSSTS	146
30	Rumusan GFI, IFI, TLI, CFI dan RMSEA Pengukuran Ketepatan Model Semakan Pembelajaran KSSTS	147
31	Pekali Regresi, <i>Critical Ratio</i> Dan Nilai p Untuk Model Semakan Pembelajaran	148
32	Kesan Langsung, Kesan Tidak Langsung dan Jumlah Kesan Pembolehubah Dengan Pembelajaran Afektif	149



SENARAI ISTILAH

KBS	-	Kementerian Belia dan Sukan
MSN	-	Majlis Sukan Negara
KSS	-	Kursus Sains Sukan
KSSTS	-	Kursus Sains Sukan Tahap 1
SUKMA	-	Sukan Malaysia
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
LTSI	-	Learning Transfer System Inventory (Sistem Inventori Pemindahan Pembelajaran)
SEM	-	Structural Equation Modelling
CFA	-	Confirmatory Factor Analysis



BAB I

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengenalan

Pendidikan dewasa di Malaysia mengandungi sistem pendidikan formal dan non-formal. Sistem formal merujuk kepada aktiviti pendidikan di institusi pengajian dan menerima pengiktirafan dengan diberikan sijil, diploma atau ijazah. Pendidikan non-formal didefinisikan sebagai sebarang aktiviti pendidikan terancang di luar sistem pendidikan formal bertujuan memberi perkhimatan pelanggan atau objektif pembelajaran khusus (Mazanah, 2001). Pendidikan dewasa di Malaysia berfokus kepada sistem non-formal termasuklah program pendidikan masyarakat, program latihan kemahiran dan latihan di tempat kerja. Salah satu pendekatan program pendidikan dewasa yang dilaksanakan di Malaysia adalah melalui sukan. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merupakan agensi yang telah dipertanggungjawabkan merangka pembangunan sukan di negara ini. KBS melancarkan misi bagi membangunkan masyarakat dengan pendekatan aktif serta sihat melalui aktiviti sukan dan rekreasi untuk semua, termasuklah pembangunan sukan prestasi tinggi bagi peringkat nasional dan antarabangsa (Kementerian Belia dan Sukan, 2004).

Salah satu strategi yang dilaksanakan oleh KBS untuk membangunkan sukan adalah dengan menubuhkan Majlis Sukan Negara (MSN). Penubuhan MSN dibuat di bawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 dan Akta Majlis Sukan Negara (pindaan 1979). Pelancarannya secara rasmi dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak b. Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua pada 21 Februari 1972



(Majlis Sukan Negara, 2005). Pada peringkat awal penubuhannya, MSN tidak aktif dan program-program sukan prestasi tinggi dilaksanakan di bawah Bahagian Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Setelah organisasinya disusun semula pada tahun 1981, MSN mula mengorak langkah dan seterusnya menjalankan beberapa program dan aktiviti sehinggalah apa yang dapat dilihat kini. Matlamat penubuhan MSN selaras dengan Dasar Sukan Negara iaitu bertanggungjawab sepenuhnya ke arah penggalakan, pembangunan dan pencapaian cemerlang dalam sukan yang dipertandingkan di peringkat tertinggi (Majlis Sukan Negara, 2005). Dasar boleh dianggap sebagai pernyataan rasmi yang dikeluarkan oleh badan-badan berkuasa seperti kerajaan, perundangan dan lembaga (Aishah, 1997). KBS bersama Majlis Sukan Negara (MSN) telah merangka beberapa strategi untuk meningkatkan kualiti sukan di negara kita.

MSN memainkan peranan penting dalam memikul tanggungjawab bagi mempertingkatkan kualiti dan memperkembangkan sukan. Salah satu pendekatan yang digunakan berasaskan Kursus Sains Sukan (KSS) bertujuan memastikan pembangunan sukan hingga ke peringkat tertinggi dapat dicapai. KSS merupakan satu program latihan kepada jurulatih sukan yang dikendalikan sepenuhnya oleh MSN iaitu memfokuskan kepada memberi kemahiran dan pengetahuan dalam aspek pengendalian latihan hinggalah kepada pertandingan.

Kursus Sains Sukan

KSS merupakan satu bentuk program pendidikan dewasa yang dilaksanakan oleh MSN di mana peserta hadir bagi mendapatkan pendidikan berkaitan sukan. Pendidikan dewasa merujuk kepada peluang pembelajaran yang digunakan oleh

orang dewasa bagi mendapatkan pendidikan di luar sistem persekolahan formal (Mazanah & Norhayati, 1997). Manakala menurut Mazanah (2002), pelajar dewasa merupakan individu yang aktif serta dinamik, belajar untuk menyelesaikan masalah dihadapi bagi memenuhi kehendak dan kepentingannya. Bagaimanapun keperluan program pembelajaran bergantung kepada objektif pembelajaran yang hendak dicapai. Menurut Caffarella (2002) terdapat lima kategori utama pembelajaran iaitu mendapatkan ilmu, meningkatkan kemahiran kognitif, membangunkan kemahiran psikomotor, penyelesaian masalah dan perubahan sikap.


Tujuan utama KSS diadakan iaitu melahirkan lebih ramai jurulatih bertaualiah supaya atlet mendapat latihan yang berkualiti (MSN, 2006). Peranan jurulatih diakui penting untuk pencapaian prestasi atlet seperti dinyatakan oleh Dato Seri Najib Tun Razak bahawa atlet dan pasukan negara bertanding di peringkat antarabangsa perlu disokong oleh pasukan bantuan sokongan yang mempunyai kepakaran masing-masing (Berita Harian, 2005). Menurut lagi, keperluan penghayatan dan amalan sains sukan perlu menyeluruh sekiranya kita hendak menjadi jaguh sukan. Kekurangan kepakaran menyebabkan kebergantungan kepada jurulatih luar negara. Seramai 42 daripada 98 orang jurulatih di bawah program Majlis Sukan Negara tahun 2006 merupakan jurulatih luar Negara (Majlis Sukan Negara, 2006). Semenjak dilaksanakan pada 1987, seramai 5,552 jurulatih sudah lulus KSS Tahap 1 (Majlis Sukan Negara, 2006). Kebergantungan kepada jurulatih luar negara menimbulkan persoalan tentang sama ada peserta tidak memperolehi pembelajaran diharapkan atau disebabkan oleh faktor-faktor tertentu menyebabkan pembelajaran tidak dapat dimanfaatkan oleh peserta KSS.

Ini penting untuk dilihat memastikan KSS menepati tujuan ianya diadakan. Dalam memastikan pendekatan KSS memenuhi tujuan ianya diadakan, ianya dirangka mempunyai peringkat yang berbeza. Setiap peringkat mempunyai tahap serta kandungan pembelajaran yang berbeza. Ini membolehkan peserta mempelajari kaedah kejurulatihan sukan mengikut tahap yang berperingkat-peringkat. KSS dibahagikan kepada Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3. Peserta KSS perlu lulus Tahap 1 untuk layak ke Tahap 2 dan seterusnya ke Tahap 3. MSN telah memberi tanggungjawab untuk meningkatkan kualiti kejurulatihan kepada Bahagian Kejurulatihan MSN. Objektif Bahagian Kejurulatihan MSN dalam penganjuran KSS adalah:

1. Melahirkan lebih ramai jurulatih bertauliah supaya atlet mendapat latihan yang berkualiti.
2. Bekerjasama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan dalam penggubalan kurikulum, manual kejurulatihan sukan spesifik Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3 serta membantu melaksanakan dan memantaunya.
3. Meningkatkan program pendidikan Sains Sukan dan Sukan Spesifik Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.
4. Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran jurulatih asing dan tempatan.
5. Melahirkan jurulatih bertaraf dunia.

Sumber : daripada ”*Objektif bahagian kejurulatihan*” oleh MSN dalam slaid Bahagian Kejurulatihan MSN. 2006: slaid no 3.

Beberapa langkah telah diambil oleh pihak MSN dalam menyediakan kurikulum dan penyediaan modul Kursus Sains Sukan Tahap 1 (KSSTS). Langkah yang telah diambil dalam penyediaan kurikulum dan modul dinyatakan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Penyediaan Sukatan Kurikulum dan Manual Kejurulatihan

Sumber : daripada ”*Penyediaan sukatan kurikulum dan manual kejurulatihan*” oleh MSN dalam slaid Bahagian Kejurulatihan MSN. 2006: slaid no 10.

Peringkat permulaan yang diambil oleh pihak MSN dalam penyediaan kurikulum dan penyediaan modul adalah bermesyuarat dengan Persatuan Sukan Kebangsaan. Pihak MSN diwakili oleh Panel Kejurulatihan yang terdiri daripada pensyarah universiti, pensyarah maktab, pegawai agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang dipilih khusus serta pegawai MSN yang mempunyai latarbelakang dalam Sains Sukan. Langkah seterusnya iaitu diadakan bengkel serta menghasilkan draf manual. Setelah draf manual dipersetujui bersama antara Panel Kejurulatihan dan Persatuan Sukan Kebangsaan, maka barulah dijalankan pula kursus perintis. Pandangan daripada Persatuan Sukan Kebangsaan diperlukan supaya ianya dijalankan dengan menepati tujuan diadakan iaitu mampu memberi pengetahuan tentang Sains Sukan kepada semua yang menyertai walaupun daripada pelbagai Persatuan Sukan Kebangsaan.